

Received	22 November 2023	Accepted	22 November 2023
Revised	22 December 2023	Published	31 December 2023
Volume	3, December 2023	Pages	11-16
http://doi.org/			
To cite: Khairul Nazmi Kamaruzaman & Zamri Arifin. 2023. Pemikiran politik Ibn al-Muqaffa' dalam Kalilah wa Dimnah. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 3: 11-16. DOI: http://doi.org/			

Pemikiran Politik Ibn al-Muqaffa' dalam *Kalilah wa Dimnah* The Political Thought of Ibn al-Muqaffa' in *Kalilah Wa Dimnah*

Khairul Nazmi Kamaruzaman¹ & Zamri Arifin²

Abstrak

Ibnu al-Muqaffa merupakan seorang tokoh yang tidak asing lagi dalam kalangan penggiat sastera dan politik, hasil karyanya menjadi fenomena dalam pembelajaran sastera arab, serta pencetus terhadap penambah-baikkan aspek-aspek politik. Salah satu karyanya yang cukup terkenal ialah *Kalilah wa Dimnah*. *Kalilah wa Dimnah* dilihat sebagai karya yang lebih dikenali dari aspek bahasa dan moral berbanding aspek politik, hal ini kerana kajian-kajian yang terdapat berkaitan *Kalilah wa Dimnah* lebih menjurus ke arah bahasa dan moral berbanding politik. Justeru, kajian ini bertujuan untuk memberi fokus terhadap unsur-unsur politik yang terdapat dalam *Kalilah wa Dimnah*, penelitian terhadap latar belakang politik Ibn al-Muqaffa', kajian tentang sumbangan politik Ibn al-Muqaffa', serta analisis terhadap unsur politik yang terkandung dalam *Kalilah wa Dimnah*. Oleh itu, metode yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif. Metode penelitian berkualitatif ini menggunakan dua kaedah iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Pemikiran politik Ibn al-Muqaffa' dapat dilihat melalui karyanya *Kalilah wa Dimnah*, ianya merangkumi nasihat-nasihat kepada pemimpin berkaitan pentadbiran dan pemerintahan. Watak-watak yang digunakan dalam *Kalilah wa Dimnah* merupakan simbolik terhadap sikap manusia dan mengandungi maksud yang tertentu. Oleh itu, diharapkan kajian ini akan menghasilkan satu latihan ilmiah yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan pada masa akan datang.

Kata Kunci: Pemikiran Politik, Ibn al-Muqaffa', *Kalilah wa Dimnah*.

¹ Pelajar peringkat Sarjana Muda di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, a181401@siswa.ukm.edu.my.

² Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, abuzaim@ukm.edu.my.

Abstract

Ibn al-Muqaffa' is a prominent figure well-known among literary and political circles, with his works becoming a phenomenon in the study of Arabic literature and serving as a catalyst for political reforms. One of his most famous works is Kalilah wa Dimnah. Kalilah wa Dimnah is primarily recognized for its linguistic and moral aspects rather than its political elements. This is due to the fact that most studies on Kalilah wa Dimnah have focused more on language and morality rather than politics. Therefore, this study aims to focus on the political elements present in Kalilah wa Dimnah, examine Ibn al-Muqaffa's political background, explore his political contributions, and analyze the political themes contained within Kalilah wa Dimnah. The method used in this research is qualitative, involving two approaches: data collection and data analysis. Ibn al-Muqaffa's political thought can be observed through his work Kalilah wa Dimnah, which encompasses advice to leaders on governance and administration. The characters in Kalilah wa Dimnah are symbolic of human behavior and carry specific meanings. Therefore, it is hoped that this study will produce a scholarly work that can serve as a reference source in the future.

Keywords: *Political Thought, Ibn al-Muqaffa', Kalilah wa Dimnah.*

Pengenalan

Apabila menyentuh tentang tokoh yang bernama Ibn al-Muqaffa', tidak dapat tidak pasti akan dibincangkan juga berkenaan dengan karya-karyanya. Di antara karyanya yang cukup terkenal ialah *Kalilah wa Dimnah*. *Kalilah wa Dimnah* ialah sebuah karya yang diterjemahkan daripada karya asli seorang Ahli Falsafah Hindu bernama Baidaba, lalu kemudiannya diterjemahkan ke dalam Bahasa Parsi, dan seterusnya barulah ke dalam Bahasa Arab. Karya tersebut berkisar tentang nasihat-nasihat berkaitan politik. Bukanlah satu perkara yang menghairankan apabila seorang sasterawan mengarang tentang politik, hal ini kerana Ibn al-Muqaffa' merupakan seorang yang terlibat dengan pemerintahan dan pentadbiran. al-Jashiari, (1982) menyatakan bahawa Ibn al-Muqaffa' pernah berkhidmat sebagai jurutulis kepada beberapa pemerintah sewaktu penghujung zaman Umayyah. Antaranya ialah Yazid bin 'Umar bin Hubayrah, seorang gabenor Iraq di bawah pemerintahan Khalifah Marwan, serta menjadi setiausaha kepada Daud bin Hubayrat, Gabenor Karman di Iraq.

Justeru itu, kajian terhadap *Kalilah wa Dimnah* ini akan memfokuskan pemikiran politik Ibn al-Muqaffa' terhadap sistem pemerintahan dan pentadbiran yang diserap daripada budaya Parsi, dan diperoleh sewaktu menjawat jawatan dalam kerajaan. Kajian ini bertujuan untuk memberi fokus terhadap unsur-unsur politik yang terdapat dalam *Kalilah wa Dimnah*, kerana kajian-kajian yang lepas dilihat lebih banyak menekankan aspek bahasa dan moral berbanding aspek politik, akan tetapi sekiranya aspek politik turut dikupas, pastilah kajian terhadap karya ini akan lebih menyeluruh. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Samad Razaie (2015). Ibn al-

Muqaffa' merupakan salah seorang penulis yang menggunakan pendekatan sosiologi dalam karya-karyanya, akan tetapi kajian-kajian lepas lebih tertumpu kepada sumbangan beliau dalam aspek kesusasteraan. Begitu sedikit pengkaji yang membincangkan tentang pemikiran beliau dalam politik dan pembaharuan sosial. Oleh itu, analisis terhadap karya sastera tidak hanya tertumpu pada aspek bahasa sahaja, sebaliknya mesej-mesej lain yang terkandung dalam karya ini juga haruslah dititikberatkan. Putih, (2001) menyatakan bahawa, sesebuah karya sastera dihasilkan berdasarkan pengalaman daripada penemuan, percubaan dan pengamatan penulisnya. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji latar belakang politik Ibnu al-Muqaffa' serta unsur politik yang terkandung dalam karya sastera kalilah wa Dimnah.

Berdasarkan kepada maklumat dan data kajian, kajian literatur ini akan membiacarakan tentang beberapa persoalan pokok yang terdapat daripada data berkenaan, antaranya ialah latar belakang Ibn al-Muqaffa', hikayat Kalilah wa Dimnah, sumbangan politik Ibnu al-Muqaffa', serta pemikiran politik Ibn al-Muqaffa' yang terkandung dalam Kalilah wa Dimnah.

Metodologi

Metodologi kajian merupakan kaedah, cara, serta pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif kajian yang telahpun ditetapkan. Penggunaan metodologi kajian dalam penulisan membolehkan struktur kajian lebih bersistematik. Kajian yang dirangka dan dirancang akan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur serta membantu dalam mendapatkan maklumat dan data agar matlamat kajian dapat dicapai. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif merupakan satu kaedah yang digunakan bagi meneroka dan memahami individu atau kumpulan yang terlibat dengan sesuatu masalah atau fenomena manusia dan masyarakat (Ahmad Munawar 2018).

Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif di mana data dan maklumat kajian akan diperolehi melalui penulisan-penulisan yang berkaitan dengan tajuk. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks. Sebanyak sembilan buah cerita daripada keseluruhan 16 cerita dijadikan data untuk kajian ini. Sumber utama kajian ini ialah kitab Kalilah wa Dimnah yang mengandungi 296 halaman dan merupakan cetakan pertama yang diterbitkan oleh al-Maktabah al-Thaqafiyyah, Beirut, Lubnan. Manakala sumber bantuan pula ialah Kitab Terjemahan Kalilah wa Dimnah terbitan Alasfiyaa yang dicetak pada tahun 2017, serta beberapa artikel dan tesis. Secara umumnya, kitab ini mengandungi enam belas kisah; lima daripadanya ialah tulisan asal penulis Baidaba, manakala sebanyak sebelas kisah lagi merupakan kisah sisipan yang dikarang sendiri oleh Abdullah Ibn al-Muqaffa' (Marroum 2011).

Data yang didapati untuk mengkaji tentang tajuk kajian adalah daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai daripada pelbagai jenis bahan seperti artikel, jurnal, tesis, disertasi, kertas kerja dan kajian-kajian lepas yang telahpun dihasilkan berkaitan dengan Ibnu al-Muqaffa' serta karyanya Kalilah wa Dimnah. Di samping itu, terdapat juga bahan berbentuk digital yang diperolehi melalui Perpustakaan dan laman web atas talian yang diakses. Contohnya seperti Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL,

UKM), Internet archive, Pro-Quest, Ebscohost discover, Sage journal, Mendeley, dan lain-lain lagi.

Semua bahan yang dikumpul ini akan dianalisis, ianya bertujuan untuk memahami kepentingan serta pengaruh yang terdapat pada Ibnu al-Muqaffa dan karyanya *Kalilah wa Dimnah*. Sumber rujukan yang dinyatakan tersebut menjadi rujukan dan panduan untuk membahaskan tajuk kajian dengan lebih mendalam, setiap maklumat yang didapati adalah penting untuk digunakan dalam kajian supaya dapat dianalisis dengan baik.

Hasil dan Perbincangan

Abd Allah Ibn al-Muqaffa' merupakan setiausaha kerajaan yang telah pun berkhidmat pada dua zaman pemerintahan, iaitu semasa kerajaan Umayyah dan 'Abbasiyah. Kehidupan 'Abd Allah ibn al-Muqaffa' yang merupakan anak kepada pegawai kerajaan mendedahkan beliau kepada susur-galur pentadbiran dan keilmuan, hal ini menyebabkan dia dapat menguasai beberapa ilmu seperti bahasa Arab, logik, sastera dan pentadbiran. (Jasni Sulong, 2014) Hasil dapatan kajian menunjukkan beberapa perkara antaranya:

Latar Belakang Ibn al-Muqaffa'

Ibn al-Muqaffa' adalah seorang yang asalnya berketurunan Parsi dan beragama majusi. Hal ini selaras dengan apa yang dinyatakan oleh Osman Haji Khalid, (1986). Akan tetapi ramai yang tidak menyedari bahawa keislaman Ibn al-Muqaffa' masih menjadi pertikaian pengkaji-pengkaji yang datang kemudian. Ibn al-Muqaffa' sering disebut dan dituduh sebagai seorang yang zindiq. Ibn al-Muqaffa' didakwa telah murtad dan sesat (heresy) apabila cuba memasukkan idea Majusi (Zoroastrian) ke dalam agama Islam. F. Gabrieli, (2004). Keislamannya menjadi pertikaian dalam kalangan pengkaji kerana terdapat buti-bukti yang menunjukkan bahawa beliau adalah seorang zindiq berdasarkan penulisannya. Salah satunya adalah terjemahan "Letter of Tansar" salah satu dokumen terawal tentang teori politik Sasanian yang berasal dari Parsi. (Jennifer A. London, 2001) Idea ini adalah sebuah idea yang bertentangan dengan ajaran islam dan mengandungi unsur-unsur yang menyesatkan, maka disebabkan itulah sebahagian pengkaji menyatakan bahawa antara sebab Ibn al-Muqaffa' dibunuh adalah kerana idea-idea dan pegangannya yang menjurus ke arah fahaman Zindiq.

Hikayat *Kalilah wa Dimnah*

Pada asalnya, kitab *Kalilah wa Dimnah* dikarang untuk dipersembahkan kepada raja India yang pernah berlaku zalim. Demikianlah juga usaha menterjemahkan kitab tersebut oleh Abdullah Ibn Al-Muqaffa mempunyai maksud yang sama ditujukan khusus kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, khalifah Abbasiyah pada ketika itu (Al-Fakhuri 1991). Hikayat *Kalilah wa Dimnah* adalah sebuah bentuk teguran secara tidak langsung kepada pemerintah demi mengelakkan perkara buruk daripada terjadi. Pendekatan ini bukan sahaja dapat mengelakkan terjadinya perkara buruk, bahkan menyampaikan teguran tersebut kepada pemerintah dan rakyat dengan baik. Pabiyah

Toklubok, etcl (2021) menyatakan bahawa bagi ahli falsafah dan bijak pandai, mereka akan dapat mengaitkan situasi yang berlaku pada zaman tersebut dengan paparan watak yang ditampilkan oleh Abdullah Ibn Al-Muqaffa menerusi Kalilah wa Dimnah. Kebijaksanaan dalam menyampaikan mesej secara tidak langsung ini akan memberikan kesan yang lebih mendalam kepada khalayak pembaca dan seterusnya mengambil iktibar daripada paparan tersebut untuk dijadikan pedoman dalam mendidik masyarakat Abbasiyah pada ketika itu khususnya dan masyarakat umum secara amnya. Hikayat ini bukanlah hikayat yang bertemakan binatang semata-mata, akan tetapi terdapat maksud yang tersirat daripada setiap watak dan kisah yang ditonjolkan. Nurhasma, Kartina & Rosni 2012 menyatakan bahawa cerita jenis ini juga menggunakan haiwan sebagai simbolik dalam sastera memandangkan terdapat sebahagian haiwan mempunyai sifat-sifat yang sudah dimaklumi karakternya. Antaranya termasuklah berani seperti singa, lambat seperti kura-kura dan bermuslihat seperti musang.

Sumbangan Politik Ibn al-Muqaffa'

Terdapat banyak sumbangan yang dilakukan oleh Ibn al-Muqaffa' dalam politik, khususnya terhadap sistem pemerintahan dan pentadbiran. Terdapat perkara yang melibatkan khilaf dan perbezaan pendapat dalam penetapan hukum, dan perkara ini sememangnya mengelirukan masyarakat. Perkara seperti ini bukanlah satu perkara yang ganjil, kerana sememangnya pada masa tersebut perkembangan ilmu berlaku dengan pesatnya, maka kewujudan pendapat-pendapat yang berbeza antara ilmuan itu bukanlah satu perkara yang ganjil. Bagi mengatasi masalah ini, ibn al-Muqaffa' berpandangan bahawa:

1. Pemerintah atau khalifah mempunyai autoriti bagi melakukan interpretasi ke atas nas dan pandangan-pandangan tersebut serta memilih pandangan yang paling sesuai untuk dikuatkuasakan.
2. Penetapan Hukum oleh Khalifah adalah bebas tanpa terikat dengan pandangan atau pemikiran tertentu. Namun kebebasan tersebut tidak boleh melibatkan maksiat dan mestilah dalam konteks untuk menegakkan kebajikan umum (maslahat al-'ammah).
3. Bagi merealisasikan tugas-tugas ini, khalifah mempunyai penasihat, pembantu, serta ahli agama yang dapat membantu melaksanakan tugas-tugas terbabit. Justeru, khalifah akan dapat memastikan hukum Islam diterjemahkan dalam konteks yang sesuai dengan maslahat dan memilih pandangan yang terbaik (rajih).

Berasaskan teori ini, 'Abd Allah ibn al-Muqaffa' telah mencadangkan penggubalan hukum Islam ke dalam sebuah kod undang-undang semasa beliau menjadi Setiausaha Negara kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (101-158H) yang memerintah antara tahun 136-158H.

Cadangan ini dibuat pada tahun kedua Khalifah al-Mansur memerintah iaitu pada tahun 138H/757M. Tujuannya ialah untuk keseragaman dalam penguatkuasaan undang-undang Islam yang banyak berpaksi pada pandangan fekah dan pelbagai mazhab. (Joseph E. Lowry, 2008)

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kita dapat beberapa perkara penting berkaitan dengan kajian ini yang pertama ialah penulisan merupakan antara medium terpenting untuk mencurahkan ideologi, bahkan ianya adalah satu cara untuk memastikan ideologi tersebut tersebar dan kekal zaman berzaman. Kedua, dapatlah kita simpulkan bahawa Ibn al-Muqaffa' ialah seorang tokoh yang cukup besar jasanya dalam menyumbangkan kemajuan negara, bahkan terdapat beberapa idea daripadanya yang masih digunakan sehingga ke hari ini. Manakala yang terakhir sekali kita melihat bahawa setiap perkara yang berlaku di setiap zaman adalah perkara yang sepatutnya diingati dan diambil iktibar oleh segenap lapisan masyarakat supaya kesilapan yang sama tidak akan berulang lagi, dan seterusnya kemajuan yang lebih baik akan dapat dicapai. Ketiga perkara ini adalah perkara yang cukup penting dalam kajian ini. Pabiyah Toklubok, etcl, (2021) menyatakan bahawa pergolakan politik pada ketika itu memberikan inspirasi kepada beliau untuk menghasilkan sebuah karya bagi dijadikan panduan kepada khalayak pembaca khususnya ahli falsafah dan cendekiawan yang dapat memahami amanat dan tausiah secara implisit seperti yang ditiptikan oleh pengarang. Kebijaksanaan dan kebolehan Abdullah Ibn al-Muqaffa' dalam bidang penulisan ini menjadikan buku *Kalilah wa Dimnah* sarat dengan nilai estetika dan nilai etika yang merupakan tujuan utama penghasilan buku ini. Strategi naratif yang dibangunkan pengarang dalam *Kalilah wa Dimnah* ini turut memperlihatkan sumbangan aksi watak haiwan yang dibangunkan pengarang dapat membawa makna yang besar dalam perkembangan pendidikan, lantas memperkaya nilai kebersamaan bagi membentuk keperibadian manusia yang mulia di muka bumi ini.

Rujukan

1. Abdullah Ibn al-Muqaffa'. 2008. *Kalilah wa Dimnah*. Syria: Dar al-Syauq al-Arabi.
2. Sitti Hadijah Mappending. 2017. *Kalilah & Dimnah: inspirasi cendekiawan merentas masa*. Alor Setar: Alasfiyaa Alasfiyaa Sdn. Bhd.
3. Al-Jahshiari, Abu 'Abd Allah Muhammad. 1938. *Al-Wuzara' wa al-kuttab*. Kaherah: Al-Bab al-Halabi.
4. Samad Raza'i. 2015. Al-Ittijah al-islahiy fi afkar ibn al-Muqaffa' al-siyasiyyah. *Majallah al-Dirasah fi al-Ulum al-Insaniah* 1(22). Cited in Norillah et al., Sosiologi Ibn al-Muqaffa' dlm. Karya al-adab al-kabir. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
5. Marianne Marroum. 2011. *Kalila wa Dimna: Inception, Appropriation, and Transmimesis*. Pennsylvania: Pennsylvania State University.
6. Jasni Sulong. 2014. Pemikiran epistemologi ilmu Abdullah ibn al-Muqaffa' dalam penyeragaman undang-undang: pengaruhnya di Malaysia. *Afkar*.
7. Jennifer A. London. 2001. *How to do things with fables: ibn al-Muqaffa's frank speech in stories from Kalila wa Dimna*. Chicago: University of Chicago.